PBD **Aspek Tatabahasa** SP 5.1.3

Betulkan kesalahan kata tugas yang berhuruf tebal dalam petikan di bawah. Kemudian, tulis kata tugas yang betul dalam ruangan yang disediakan.

VIDEO Kata Tugas

Sesebuah negara yang ingin mencapai impian **supaya** menjadi sebuah negara maju hendaklah memajukan bidang pendidikan dahulu. Falsafah ini merupakan kenyataan yang **bukan** dapat disangkal kebenarannya. Pendidikan sememangnya menjadi asas **di dalam** pembentukan sesebuah negara maju.

Bidang pendidikan juga berfungsi untuk melahirkan generasi yang berilmu. Generasi muda merupakan bakal pemimpin negara **di** masa akan datang. Oleh itu, penekanan terhadap kepentingan pendidikan **pada** generasi muda **teramat** perlu memandangkan hanya pemimpin yang berilmu dan berwawasan yang mampu mentadbir negara ke arah negara maju.

Untuk meningkatkan taraf negara kita, kita hendaklah membangunkan bidang ekonomi **pula**. Dalam hal ini, pembangunan sumber manusia hendaklah ditingkatkan **sejak** pesatnya. Ekonomi yang pelbagai dan seimbang **di antara** sektor perindustrian dengan pertanian dan sektor perkhidmatan mestilah diwujudkan agar bersifat dinamik, giat, **atau** kental.

Kesalahan kata tugas	Pembetulan
1. supaya	
2. bukan	
3. di dalam	
4. di	
5. pada	
6. teramat	
7. pula	
8. sejak	
9. di antara	
10. atau	

LIVEWORKSHEETS